

Press Release



Media : Berita Harian
 Date : 23 July 2017
 Page : 72
 Published : Daily
 Language : Bahasa Malaysia
 Circulation : 90,969

Ms.72

23 Julai 2017 BH AHAD

→ WANITA



Sebahagian pengunjung yang hadir di Karnival Tupperware di Sunway Pyramid.



Antara produk terkini Tupperware jadi tumpuan.

Info

Lokasi karnival

- Quensbay Mall, Pulau Pinang
- Aeon Kota Bharu, Kelantan
- Aeon Tebrau City, Johor Bahru
- East Coast Mall, Kuantan
- Aeon Mall Kinta City, Ipoh

Tupperware bantu tingkat status wanita

➔ Peluang jana pendapatan sampingan ringan beban keluarga

Oleh Saadiah Ismail
 saadiah_ismail@bh.com.my

► Petaling Jaya

Tupperware Brands Malaysia bukan sahaja dikenali sebagai produk berkualiti, tetapi turut menyediakan peluang menjana pendapatan kepada wanita yang ingin mengubah kehidupan.

Pengurus Acaranya, Sam Chin Yee, berkata pembabitan menerusi jualan barangan Tupperware ini, wanita boleh menjana pendapatan tambahan bagi membantu meneruskan kelangsungan hidup.

Katanya, produk Tupperware bukan hanya bekas simpanan sahaja, tetapi kali ini ia turut dipelbaggakan dengan produk seperti kuliner, kecantikan, barangan bayi, makanan nutrisi dan pelbagai lagi.

Bahkan, setiap produk juga mempunyai fungsi tersendiri, bukan hanya satu produk kegunaannya adalah sama.

"Justeru, kami membantu tidak ki-



Kami membantu tidak kira wanita berkerjaya, ibu tunggal, suri rumah dan sebagainya"

Sam Chin Yee,
 Pengurus Acara
 Tupperware Brands

ra wanita berkerjaya, ibu tunggal, suri rumah dan sebagainya dengan mengubah kehidupan mereka menjadi lebih baik.

"Majoriti ahli kami adalah wanita iaitu kira-kira 400,000 orang. Darpada jualan, mereka boleh memperoleh komisen dan untung poket sendiri, bergantung bagaimana mereka menjalankan urusan dengan pelanggan," katanya ketika ditemui pada Karnival Tupperware sempena 52 Tahun di Sunway Pyramid, kelmarin.

Karnival Tupperware ini berlangsung sehingga Disember di 10 lokasi di seluruh negara yang menyasarkan kira-kira 40 pengunjung akan mengahdirinya.

Pelbagai aktiviti dan hadiah menarik disediakan kepada mereka yang bertuah dengan tawaran hadiah istimewa kepada ahli baharu.

Didik masyarakat

Sam berkata, pihaknya juga mendidik masyarakat menerusi ahli wanitanya berkenaan perbezaan setiap

produk memandangkan tidak semua mempunyai fungsi yang sama.

"Apabila wanita menjadi ahli, mereka juga boleh merekrut wanita lain dan berkongsi bagaimana mereka menjana pendapatan menerusi Tupperware."

"Bukan itu sahaja, kami juga memberi ganjaran seperti kereta, percutian dan sebagainya bagi mereka yang berusaha keras," katanya.

Sementara itu, ahli Tupperware, Maziah Mohd Zulkifli, 42, berkata beliau menjadi ahli sejak lima tahun lalu dan marnipi menjana pendapatan yang selesa.

"Saya suri rumah sepenuh masa dan perlu menguruskan empat anak bersekolah."

"Ketika ini memang memerlukan perbelanjaan yang banyak. Tupperware banyak mengubah kehidupan saya."

"Menerusi jualan Tupperware ini saya boleh memperoleh komisen dan untung poket sendiri lebih daripada RM1,000 sebulan bergantung kepada kerajinan. Jadi dapatal saya mem-

bantu meringankan beban suami," katanya.

Selain itu, katanya untuk berjaya wanita juga perlu bijak menjelaskan mengenai kebaikan produk dan mengambil hati pelanggan.

Dapat imbuhan

Ahli Tupperware, Aliza Kahar, 52, berkata walaupun mempunyai kerjaya sebagai kakitangan awam, usaha dilakukan ini adalah untuk menambah pendapatan memandangkan imbuhan diterima setimpal dengan usaha.

"Saya sudah banyak masuk dalam jualan langsung ini, tetapi dengan Tupperware pulanganannya sangat lumayan. Saya baru masuk bulan ketiga menyertai dan sudah rasa seronok berniaga begini."

"Saya hanya berniaga menerusi mulut, jumpa rakan pejabat, iklan di Facebook atau menerusi aplikasi WhatsApp sahaja."

"Dengan Tupperware anda mudah untuk mencari wang sampingan," katanya.



Katalog Tupperware menarik minat dua pengunjung mendapatkan maklumat produk.